

## Cat semula rumah pangsa

MS 3 & 25

## Rancangan tebatan banjir demi rakyat

MS 3, 14 & 15



PERCUMA

# buletin Mutiara





www.buletinmutiara.com

16- 30 APRIL 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Saya ❤ Pulau Pinang Seberang Perai

## pecah rekod larian ria MBOR

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN DALAM** – Penyertaan 15,942 individu dalam acara Saya ❤ Pulau Pinang edisi kedua di Seberang Perai baru-baru ini memahatkan kejayaan dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai larian ria paling ramai disertai di tanah air ini.

Sebelum acara pelepasan peserta, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya melahirkan rasa optimis rekod terdahulu mampu dipecahkan oleh rakyat Pulau Pinang.

"Rekod sebelum ini adalah 15,000 orang bagi acara *fun run*... sebenarnya kita (Kerajaan Negeri) tidak tahu, kita cuma tutup penyertaan pada 31 Mac kerana padang ini sudah penuh, tetapi saya yakin kita mampu pecahkan rekod Malaysia.



National Record

MALAYSIA RECORDS

This Is To Certify That

PENANG STATE GOVERNMENT

is listed in

THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS

for organising the

LARGEST PARTICIPATION IN A FUN RUN EVENT

Total : 15,942 participants

Date : April 9, 2017

Venue : Seberang Perai, Pulau Pinang

Co-organiser : Majlis Perbandaran Seberang Perai, Actife Style Concept Sdn Bhd & TLM Event Sdn Bhd

**SIJIL MBOR yang diterima Kerajaan Negeri Pulau Pinang.**



**BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri bersama-sama para peserta acara larian ria Saya ❤ Pulau Pinang edisi kedua di Seberang Perai di sini baru-baru ini.**

**"Kita pecah rekod Malaysia, kita tunjukkan bahawa Pulau Pinang tetap bersama sebagai negeri kita, kita tetap sayang Pulau Pinang!"** ucapnya dengan penuh bersemangat di hadapan ribuan peserta di padang awam Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi dekat Butterworth di sini baru-baru ini.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Perbandaran bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud; Ahli-ahli Majlis bagi MPSP dan isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng.

Guan Eng dalam pada itu turut bersemangat berlari bersama-sama rakyat Pulau Pinang dalam acara sejauh 6 kilometer mengelilingi Butterworth itu.

Beliau serta pemimpin Kerajaan Negeri Pakatan Harapan yang lain kelihatan tanpa segan silu melayan permintaan berswafoto bersama-sama orang ramai di sini.

Terdahulu, edisi pertama larian Saya ❤ Pulau Pinang peringkat pulau dilangsungkan pada 13 Mac lalu di tengah-tengah Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Kerajaan Negeri menganjurkan kedua-dua edisi larian ria tersebut sebagai simbol bantahan bersama terhadap hasrat Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor yang mahu 'merampas' Pulau Pinang untuk dijadikan Wilayah Persekutuan baharu.

*(Lagi gambar di muka surat 28).*

# Tembok Hijau Entopia terima pengiktirafan MBOR

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




RUPA bentuk *Green Wall Entopia* yang diiktiraf MBOR sebagai 'tembok hijau terbesar di Malaysia' baru-baru ini.




CHRISTOPHER Wong (tiga dari kiri) menyerahkan sijil MBOR kepada David Goh (tiga dari kanan) sambil disaksikan Dr. Abdul Rahman Abbas (empat dari kiri) dan Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) pada Majlis Perasmian Bangunan Baru Entopia di sini baru-baru ini.

**TELUK BAHANG** – Landskap *Green Wall* di bangunan baharu Entopia disenaraikan dalam *Malaysia Book Of Records* (MBOR) sebagai 'Tembok Hijau Terbesar di Malaysia' dengan 88,868 bekas tanaman (*planting pockets*) pokok meliputi 2,064.10 meter persegi bangunan tersebut.

Pengiktirafan tersebut diserahkan oleh wakil MBOR, Christopher Wong kepada Pengasas merangkap Pengerusi Entopia, David Goh pada majlis perasmian bangunan baharu lokasi yang dahulunya dikenali sebagai Taman Rama-rama Pulau Pinang.

Majlis tersebut disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Turut hadir, isteri kepada TYT, Toh Puan Majimor Shariff, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I) serta isteri, Datin Nor Azizah Haron.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Entopia, Joseph Goh, pembinaan tembok tersebut mengambil masa lebih satu tahun dengan merangkumi 22 jenis spesis tumbuhan melingkar.

"Tumbuhan melingkar dipilih untuk melindungi bangunan daripada cahaya matahari dan membantu menyejukkan bangunan secara semulajadi, sekaligus mengurangkan penggunaan tenaga. Ia juga secara tidak langsung dapat mengurangkan pembebasan karbon dan memberi impak kepada planet," jelasnya.

Mohd. Rashid ketika berucap, memuji inisiatif pihak Entopia yang sejajar dengan dasar Kerajaan Negeri kini yang mahu menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau.

"(Entopia) membuktikan bahawa pemimpin ekonomi pun sudah mula memainkan peranan mereka dalam menjayakan dasar hijau Kerajaan Negeri melalui sumbangan terhadap ekonomi berasaskan hijau," ujarnya.

Dengan pengiktirafan daripada MBOR, Entopia bukan sahaja berjaya memegang rekod 'Tembok Hijau Terbesar di Malaysia', malah turut tersenarai sebagai salah satu binaan yang terbesar di Asia Tenggara.

## Mendiang Karpal Singh tetap dikenang

**TERUS DIKENANG...** Lebih 400 anggota keluarga dan rakan taulan hadir pada suatu majlis upacara sempena mengenang pemergian Karpal Singh yang diadakan di Wadda Gurdwara Sahib, Jalan Gurdwara, George Town, 15 April lalu.

Sungguhpun sudah tiga tahun pemergian Karpal Singh, namun prinsip dan kehebatannya sebagai seorang pemimpin yang disegani tidak pernah terhakis daripada ingatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta barisan Exco Kerajaan Negeri turut sama hadir bersama-sama isteri mendiang, Gurmit Kaur dan anak-anak mendiang antaranya, Jagdeep Singh Deo (Exco Kerajaan Negeri), Ramkarpal Singh dan Gobind Singh Deo (Ahli Parlimen).

Selain itu, sebanyak 15 rumah kebajikan terpilih turut dijemput khas bagi jamuan makan tengah hari yang turut disertai oleh kepimpinan negeri.

Dalam perkembangan berasingan, Guan Eng turut meluangkan masa berjalan sejauh 2.4 kilometer bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer serta kira-kira 150 penduduk di Island Glades sebagai tanda memperingati citra mendiang Karpal Singh yang merupakan mantan Ahli Parlimen Bukit Gelugor.




Oleh: **ME**

# Cat semula ceriakan rumah pangsa 33 tahun di Seberang Jaya

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **G. REVATIC**

**SEBERANG JAYA -** Dibina pada tahun 1984, semua 11 blok rumah pangsa berusia 33 tahun di Seberang Jaya diselenggara serta dicat semula dengan kos RM515,000.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, inisiatif tersebut akan meremajakan kembali kawasan kediaman di sini, sebagaimana dihasratkan oleh penduduk serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

"Kerja-kerja pengecatan telah pun bermula pada 1 Mac lalu, akan mengambil masa selama empat bulan setengah dan dijangka siap sepenuhnya pada 11 Julai ini.

"Sebanyak 80 peratus kos projek ini adalah CSR (tanggungjawab sosial korporat) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), manakala baki 20 peratus lagi, yang sepatutnya ditanggung oleh persatuan penduduk telah pun dibiayai oleh pihak Dr. Afif.

"Kita harap selepas pengecatan dan kerja-kerja pembaikan ini disempurnakan, ia akan menyeri dan memeriahkan semula kawasan di sini.

"Tetapi, yang lebih penting adalah jagalah kawasan halaman kediaman anda, kerana ini rumah kebahagiaan anda," serunya pada Majlis Perasmian Kerja-kerja Pengecatan Semula Blok D1 Hingga D9, D20 & D21 Bandar Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu bahawa beliau percaya projek inisiatif terbaru Kerajaan Negeri tersebut akan melonjak semula nilai hartanah jenis perumahan di sini kelak.

Selain Afif, turut berucap Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo serta wakil semua persatuan penduduk, Halimatun Saadiah Ibrahim.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Zulkifli Long serta Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan menyatakan bahawa impian mengecat semua 11 blok rumah pangsa di sini sebenarnya merupakan hasrat penduduk setempat sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13 dahulu.

"Sejak saya dipilih menjadi ADUN Seberang Jaya, antara isu utama yang dibangkitkan oleh penduduk di sini adalah tentang isu penyelenggaraan rumah-rumah pangsa di kawasan ini.

"Dengan lokasinya yang strategik dan tanah yang mempunyai nilai tinggi, kita melihat ada keperluan untuk projek penyelenggaraan, membaik pulih dan mengembalikan balik kegemilangan kawasan ini (Seberang Jaya)," jelasnya.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para penduduk menunjukkan tanda bagus pada Majlis Perasmian Kerja-Kerja Pengecatan Semula Blok D1 Hingga D9, D20 & D21 Bandar Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**

Manakala Halimatun Saadiah mewakili 11 jawatankuasa persatuan penduduk di sini merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng atas projek inisiatif tersebut.

"Ini merupakan usaha Kerajaan Pulau Pinang yang bermatlamatkan membina suasana '*cleaner, greener Penang*'.

"Sungguhpun Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melakukan pelbagai inisiatif seumpama ini, saya percaya menjaga kebersihan adalah tanggungjawab bersama.

"Apa yang diperlukan adalah sedikit sahaja inisiatif daripada penduduk, iaitu dengan tidak mengotorkan kawasan halaman rumah masing-masing," seru beliau.

## Exco gesa Pusat segerakan RM150 juta projek RTB Sungai Pinang

**DATUK KERAMAT –** Exco Perancang Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo sekali lagi menggesa Kerajaan Pusat supaya mempercepatkan penyaluran dana RM150 juta bagi menyiapkan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang sebagaimana dijanjikan sebelum ini.

Katanya, **Kerajaan Negeri hanya mampu melaksanakan projek-projek berskala kecil atau pelan bagi jangka pendek dan sederhana sahaja bagi mengatasi masalah banjir di sini.**

**"Sebagai Kerajaan Negeri, kita hanya mampu melaksanakan pelan jangka pendek dan jangka masa sederhana sahaja sepertia kita telah membelanjakan RM1,084,691.14 bagi projek RTB Sungai Pinang merangkumi (projek) naik taraf tebing, mendalam dan melebarkan sungai, pembersihan sungai, penyelenggaraan sungai dan kerja-kerja berkaitan.**

**"Kita (Kerajaan Negeri) sudah letih menunggu kelewatan dana seperti dijanjikan Kerajaan Pusat dalam melaksanakan projek RTB Sungai Pinang, yang merupakan antara 23 RTB terbesar di seluruh Malaysia**," ujarnya pada sidang media ketika melawat runtuhan tebing Sungai Air Itam dekat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Methodist (Lelaki) di sini 4 April lalu.

Hadir sama, Jurutera Daerah bagi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Timur Laut, Zahid Zainal Abidin.

Menurut Jagdeep, beliau difahamkan bahawa dana yang dijanjikan itu hanya akan disalurkan pada November tahun ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak boleh tunggu lagi, kita perlukannya (dana RTB) segera," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam pada itu, ketika mengulas kenyataan Pengerusi Umno Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman melalui sebuah akhbar berbahasa Inggeris, Jagdeep menyatakan bahawa beliau senada dengan Zainal Abidin.

"Saya bersetuju dengan beliau bahawa projek RTB perlu diberi keutamaan, jadi saya juga minta Zainal Abidin supaya bantu Kerajaan Negeri dapatkan segera dana RM150 juta tersebut.

"Saya minta perkara ini tidak dipolitikkan...seperti saya pernah cakap sebelum ini, isu banjir tidak kenal fahaman politik, agama, bangsa dan sesiapa," katanya.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita, Zahid berkata, pihaknya melihat beberapa pelan jangka panjang yang mampu menyelesaikan masalah banjir di jajaran RTB Sungai Pinang.

"Antaranya, membina penghadang di tebing-tebing sungai serta pam air yang akan membantu aliran air di sepanjang jajaran Sungai Pinang," jelas beliau.

## Peruntukan TP1M susut 92.5% gambarkan Pusat hadapi masalah kewangan - Exco

**GEORGE TOWN -** Peruntukan tahunan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi 2016 sejumlah RM3.98 juta mencatatkan penyusutan 92.5 peratus berbanding RM50.73 juta (2015), berdasarkan jawapan bertulis di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Terkejut dengan perkara itu, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, penyusutan itu seakan-akan menggambarkan Kerajaan Persekutuan ketika ini kian menghadapi masalah kewangan yang begitu teruk.

"Kalau Pulau Pinang nak dianaktirikan kerana kita Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH), saya tahu...tapi sembilan negeri di Malaysia tak dapat sebarang projek TP1M bagi tahun 2016," tegasnya ketika berucap sepentas dengan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam Majlis Pelancaran Rasmi Kerja-kerja Pengecatan Semula Blok D1 Hingga D9, D20 & D2 di sini baru-baru ini.

Difahamkan, salinan dokumen Statistik Pelaksanaan TP1M Tahun 2013 Hingga 2016 yang didedahkan di Dewan Rakyat baru-baru ini menunjukkan bahawa bagi tahun 2016, langsung tiada projek TP1M diluluskan di Kedah, Kelantan, Perlis, Pulau Pinang, Sarawak, Selangor, Terengganu, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurut laporan statistik sama, tiga projek TP1M diluluskan di Johor, Melaka (tiga projek), Negeri Sembilan (dua projek), Pahang (empat projek), Perak (empat projek), Sabah (dua projek) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (satu projek), menjadikan keseluruhan bagi tahun 2016 adalah sejumlah 19 projek sahaja.

"143 permohonan telah pun dibuat sejak tahun 2012, hanya 27 permohonan... tahun 2016 langsung tiada permohonan diluluskan untuk kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi skim-skim rumah mampu milik Jenis A dan Jenis B (kos rendah dan kos sederhana rendah) yang diluluskan," ujar Jagdeep.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, ekoran Kerajaan Persekutuan tidak meluluskan 90 peratus atau 70 peratus kos bagi satu-satu projek TP1M di negeri ini, Kerajaan Negeri melalui tabung Program Penyelenggaraan Perumahan Pulau Pinang (YES) tidak mampu mengeluarkan 10 peratus atau 30 peratus baki kos projek yang sepatutnya ditanggung oleh persatuan penduduk.

"Menyedari kelemahan daripada pihak Kerajaan Persekutuan ini, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan juga telah mewujudkan satu tabung penyelenggaraan dinamakan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP).

"Sejak tahun 2013, sebanyak RM7,866,841.93 telah disumbangkan melalui tabung ini kepada projek-projek rumah awam yang wujud di negeri Pulau Pinang, untuk projek penyelenggaraannya termasuk penukaran lif, tangki air, bumbung dan kerja-kerja kritikal lain," jelasnya.

Sejak enam bulan TPM80PP diperkenalkan, Jagdeep menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan 80 peratus permohonan bernilai kira-kira RM2.2 juta, ketika Kerajaan Pusat didedah meluluskan hanya peruntukan RM3.98 juta untuk pelaksanaan TP1M di tanah air ini.

# Kadar penolakan pinjaman perumahan tinggi, Exco syor BNM beri penjelasan

**GEORGE TOWN -** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo mahu Bank Negara Malaysia (BNM) tampil memberi penjelasan berhubung kenyataan Persatuan Bank-bank Malaysia (ABM) baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi oleh bank-bank seluruh Malaysia merupakan isu kritikal.

"Hal ini (kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi) perlu ditangani memandangkan di Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) mempunyai unit-unit rumah mampu milik (RMM) berharga antara RM160,000 ke RM220,000 yang tidak dapat dijual meskipun permohonan bagi unit-unit tersebut adalah sangat tinggi.

"Misalnya, di Bandar Cassia Fasa 1 (terletak di Batu Kawan), Kerajaan Negeri menawarkan 520 unit RMM dengan 900 permohonan yang layak di bawah tapisan SPEC (Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan), tetapi apabila pemohon membuat permohonan pinjaman, hanya 44 peratus sahaja diluluskan," katanya yang merujuk kepada RMM di bawah harga RM250,000.

Malah, jelas Jagdeep, Pertubuhan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) melalui suatu kenyataan pada 8 Mac lalu mengesahkan bahawa kadar penolakan permohonan pinjaman perumahan mencecah sehingga 60 peratus. (Rujuk artikel atas talian, '*Rejection rate for housing loans is as high as 60%, says REHDA*')

"Bukan itu sahaja, pihak pembangkang di Pulau Pinang, Barisan Nasional (BN) juga bersama-sama Kerajaan Negeri mengemukakan usul bersama berhubung isu ini.

"Hal ini menunjukkan bahawa BN juga tahu dan sedar bahawa kadar penolakan permohonan pinjaman perumahan adalah amat tinggi sehingga menyukarkan pembeli rumah pertama membeli rumah.



**JAGDEEP Singh Deo menunjukkan laporan dan beberapa dokumen berkaitan berhubung isu pinjaman perumahan di sini baru-baru ini.**

"Sebab itu, saya tidak faham kenapa ABM melalui kenyataannya pada 17 Mac lalu menyangkal dakwaan REHDA dan menyatakan bahawa kadar kelulusan pinjaman perumahan pada 73.8 peratus bagi tahun 2016.

"Jadi, bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya ingin menggesa BNM beri penjelasan, mana satu situasi yang sebenar, adakah kadar penolakan pinjaman perumahan tinggi atau sebaliknya seperti dinyatakan ABM," gesanya yang turut berhasrat untuk berjumpa dengan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar bagi membincangkan isu berkaitan.

## KN sedia keluar peruntukan restorasi semula bangunan muzium musnah semasa Perang Dunia II – KM

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang bersedia mengeluarkan sejumlah RM20 juta peruntukan bagi merestorasikan semula sayap timur bangunan Muzium Negeri Lebuh Farquhar yang telah musnah semasa Perang Dunia Kedua.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, hasrat tersebut hanya boleh dilaksanakan sekiranya sebahagian tanah yang musnah, yang mana kini diduduki Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hutchings dapat diambil semula.

"Sekiranya dapat diambil semula, kita (Kerajaan Negeri) bersedia membelanjakan RM20 juta untuk merestorasikan semula sayap timur yang telah musnah dibom oleh pesawat tentera Jepun ketika Perang Dunia Kedua.

"Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dikaji dengan teliti dan ia memerlukan perbincangan lanjut bersama beberapa pihak berkepentingan yang relevan.

"Sekiranya berjaya, ia akan berpandukan pelan, saiz dan spesifikasi asal. Ini akan menjadi kebangkitan semula seni dan budaya negeri Pulau Pinang," ucapnya pada Majlis Penutupan Muzium Negeri, Lebuh Farquhar di sini 15 April lalu.




**HARYANY Mohamad (barisan kedua, dua dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama kakitangan Muzium Negeri Lebuh Farquhar pada majlis penutupan rasminya di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Haryany Mohamad dan Ahli-ahli Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.

Muzium Negeri Lebuh Farquhar secara rasminya ditutup selepas majlis berkaitan (15 April 2017) bagi membenarkan kerja-kerja baik pulih dan penaiktarafan dengan kos RM2 juta yang dibiayai Kerajaan Negeri dijalankan.

Selama bangunan muzium tersebut dibaik pulih untuk tempoh 18 bulan, pameran dan artifak sementara serta pameran pengenalan Projek Rangkaian Muzium-Muzium dan galeri-galeri (MAGNet) akan dipindahkan ke Bangunan No.57, Jalan Macalister di sini. Ia dijangka akan dibuka kepada pelawat mulai Julai ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, tanah yang kini merupakan tapak Muzium Negeri, Lebuh Farquhar dan SMK Hutchings merupakan tanah milik Kerajaan Negeri.

"Apapun, kita perlu kaji dengan teliti dan jalankan rundingan dengan pihak-pihak berwajib terlebih dahulu.

"Sekiranya berjalan lancar, bajet tersebut akan diputuskan pada perancangan bajet tahunan negeri tahun hadapan," jelasnya.

## P. Pinang hari ini bekal empat kali ganda bilangan unit rumah rakyat berbanding era BN sebelum 2008 – Exco

**GEORGE TOWN - Sehingga kini, sejumlah 20,887 unit Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis A (kos rendah) dan Jenis B (kos sederhana rendah) dibina di Pulau Pinang, berbanding 5,124 unit sahaja dalam tempoh sama selama tujuh tahun sebelum 2008.**

**Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu, jumlah rumah yang berjaya dibina dalam era Kerajaan Negeri hari ini adalah menyamai empat kali ganda berbanding tempoh sebelumnya ketika era pemerintahan Barisan Nasional (BN) dahulu.**

**"Sejumlah 20,887 unit ini adalah empat kali ganda jumlah 5,124 unit yang telahpun dibina pada tujuh tahun yang sama sebelum kita mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.**

**"Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan telahpun menunjukkan satu prestasi pencapaian dari segi pembekalan rumah mampu milik, yang jauh lebih baik daripada Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang terdahulu,**" jelasnya pada Ekspo Perumahan Mampu Milik 2017 Siri Kedua Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri hari ini telahpun memperkenalkan Garis Panduan Perumahan Mampu Milik 100% dengan kelulusan kepada pihak pemaju swasta membina sejumlah 18,387 unit rumah, tidak termasuk 20,887 unit Jenis A dan Jenis B.

Tambah beliau, terdapat 14 lagi projek RMM pelbagai jenis yang terdiri oleh 26,255 unit kediaman bakal dibina di kelima-lima daerah di negeri ini.

"Harganya adalah dalam lingkungan RM42,000 sebanyak 787 unit, RM72,500 (8,388 unit) serta antara harga RM150,000 hingga RM300,000 (17,080 unit)," kata Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Di samping itu, Jagdeep memberitahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini senantiasa mencari jalan untuk melaksanakan langkah-langkah penyejukan pasaran hartanah, kini kian memperlihatkan hasil.

"Menurut statistik dan data yang dikumpul oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Pulau Pinang mencatatkan penurunan harga purata perumahan tertinggi di seluruh Malaysia, yang mana berbanding purata penurunan harga di seluruh negara adalah 0.7 peratus, Pulau Pinang mencatatkan penurunan sebanyak 3.2 peratus, iaitu dengan harga purata dari RM400,994 sehingga RM388,319," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep sekali lagi menggesa Bank Negara Malaysia (BMN) supaya melonggarkan syarat permohonan pinjaman perumahan bank demi memastikan lebih ramai pembeli RMM kali pertama mampu miliki rumah idaman masing-masing.

Pada perkembangan lain, Jagdeep menyatakan, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini melahirkan rasa hampa atas prestasi buruk Kerajaan Pusat yang didakwa gagal membekalkan unit kediaman di bawah skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) untuk warganegara yang mendiami negeri ini.

"Sehingga hari ini, satu unit pun masih belum dibina di negeri Pulau Pinang," tegas beliau.

# *Penang Digital Library*, perpustakaan digital pertama di Malaysia beroperasi 24 jam




**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil syarikat yang menjayakan penubuhan berkaitan bergambar kenangan di hadapan bangunan berkaitan pada majlis pelancarannya di sini tahun lalu.**



**BAHAGIAN tingkat satu PDL.**



**PREMIS bakeri dan kafe, *Love a Loaf*.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Perpustakaan Digital Pulau Pinang atau *Penang Digital Library* (PDL) yang bakal beroperasi 24 jam setiap hari mulai 1 Mei ini merupakan perpustakaan digital pertama seumpamanya dalam negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkannya berkata, waktu operasi 24 jam dilaksanakan setelah memperoleh permintaan daripada para pengunjung sejak ia dibuka pada 8 Oktober 2016.

"Sejak dibuka kepada umum (Oktober tahun lalu), jumlah pengunjung ke sini mencecah antara 1,800 hingga 2,000 orang sebulan.

"(Dan pelanjutan masa operasi) akan membolehkan lebih ramai lagi mengunjungi perpustakaan digital pertama di Malaysia ini, termasuk pada hari-hari minggu dan cuti umum.

"Malah, difahamkan, ada juga dalam kalangan pengunjung yang datang ke sini adalah dari luar negeri Pulau Pinang," ujarnya pada sidang media di ruang amfiteater PDL di sini 20 April lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Pulau Pinang, S. Bharathi; Pustakawan Digital, Anas Morad serta Pengarah Bersama *Love a Loaf* (bakeri dan kafe yang beroperasi di PDL), Thomas Kee dan Tan Yee Hing.

Menurut Guan Eng, dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan terbaik kepada pengunjung, *Love a Loaf* juga telah bersetuju untuk beroperasi 24 jam mulai Mei ini.

"Ini adalah berita baik untuk pengunjung, bukan sahaja dapat menggunakan kemudahan yang terdapat di PDL sepanjang masa, malah juga dapat menikmati minuman dan makanan sepanjang mereka berada di sini," jelasnya.

Menyentuh mengenai aspek keselamatan, Guan Eng memberitahu, pegawai-pegawai keselamatan akan ditempatkan di PDL sepanjang masa selain dipantau oleh kamera litar tertutup (CCTV) 24 jam.

"Pihak PDL juga akan menambah bilangan kakitangan pada sebelah malam bagi membantu pengunjung yang datang pada waktu berkaitan.

"Selain itu, kotak polis juga akan dipasang di sini (PDL) bagi membolehkan pihak polis membuat pemantauan secara berjadual.

"Diharapkan dengan pelanjutan masa operasi ini, orang ramai akan mengambil peluang hadir ke sini dan menggunakan kemudahan yang disediakan serta mematuhi arahan keselamatan yang ditetapkan oleh PDL," katanya sambil menyatakan bahawa pihak Penang Free School juga telah dimaklumkan berhubung inisiatif berkenaan dan mereka bersetuju dengannya.

Sebagai tambahan, Guan Eng menyatakan bahawa pihak pengurusan PDL akan mengkaji semula waktu operasi 24 jam setelah tiga bulan dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik diberikan kepada pengunjung di sini.

Difahamkan, setelah pelanjutan masa operasi dilaksanakan, pengunjung yang datang ke PDL selepas pukul 10 malam dikehendaki untuk merekodkan butiran diri di kaunter keselamatan.

Sementara itu, seorang pesara, Steven Tan, 62, turut berkongsi pengalaman beliau menggunakan PDL.

"Hampir saban hari saya meluangkan masa di sini, selain menggunakan kemudahan akses internet, suasana di sini sangat selesa.

"Lagipun, saya tak perlu ke mana-mana, sementara menunggu isteri saya yang bekerja sebagai guru di Penang Free (School), saya boleh melayari internet sambil menikmati minuman dan roti yang ada dijual di sini," ujarnya yang tidak menyangka akan bertemu dengan Ketua Menteri di sini pada hari berkaitan.

Menerapkan teknologi informasi sebagai sarana untuk menyimpan dan menyebarluaskan maklumat dalam format digital, PDL semestinya memberikan suatu pengalaman membaca yang berbeza dengan lebih 3,000 judul bacaan elektronik disediakan, pengunjung dapat mengaksesnya melalui aplikasi mudah alih '*ReadCasa*'.

Terletak dalam perkarangan sekolah aliran berbahasa Inggeris tertua di Asia Tenggara, Penang Free School. PDL adalah hasil inisiatif bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Keysight Technologies (M) Sdn. Bhd. dan Eastern & Oriental Berhad serta disokong oleh *TIME.com* melalui perkongsian PPP atau perkongsian awam swasta secara tanggungjawab sosial korporat.

## Projek STP2 dan *Gurney Wharf*, tiada apa disembunyikan Kerajaan Negeri – Exco

**TELUK AIR TAWAR –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menegaskan bahawa tiada apa yang disembunyikan Kerajaan Negeri berhubung fakta keluasan projek Seri Tanjung Pinang 2 (STP 2) dan *Gurney Wharf* yang kini sedang dalam proses disiapkan berhampiran Persiaran Gurney.

Jagdeep berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Bendahari parti Gerakan Pulau Pinang, Ng Fook On dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris baru-baru ini yang dilihat sebagai tindakan 'terkeliru'.

"Di sini ingin saya jelaskan, keluasan keseluruhan STP 2 adalah 760 ekar dan jumlah yang perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri adalah seluas 60 ekar.

"Manakala *Gurney Wharf* berkeluasan 131 ekar dan milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Jadi apabila kedua-dua (131 ekar dan 60 ekar) ini ditambah, menjadikan keseluruhan milikan Kerajaan Negeri adalah 191 ekar... tiada apa yang perlu dia (Fook On) keliru," jelasnya pada Majlis Penyerahan Bantuan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dekat Rumah Berhala Thean Thay Tong Sum Poh Keong, Teluk Air Tawar, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Phee Boon Poh dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad.

Menerusi kenyataan tersebut, Fook On menyatakan bahawa Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum ini memberikan jawapan bahawa keluasan *Gurney Wharf* adalah 191 ekar, berbanding maklumat diperolehnya cuma 131 ekar.

Mengulas lanjut, Jagdeep berharap rakyat Pulau Pinang, khususnya parti Gerakan boleh dapat gambaran yang jelas dan tidak terkeliru lagi dengan angka tersebut.

"Projek tersebut mempunyai tiga fasa yang mana STP1 ialah *Straits Quay* kini, STP 2 (sebuah pulau) dan *Gurney Wharf*," jelas beliau.

# Penemuan artifak Zaman Neolitik di Guar Kepah, KN luluskan tambahan RM20,000 untuk analisis

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 9 April lalu meluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM20,000 bagi membolehkan analisis lapangan dilakukan segera di tapak penemuan artifak baru di Guar Kepah, Seberang Perai Utara (SPU).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkannya berkata, Kerajaan Negeri sangat prihatin dalam melindungi hasil peninggalan pra-sejarah Zaman Neolitik yang dipercayai berusia antara 5,000 hingga 6,000 tahun.

"Penemuan baru itu membuka lembaran baru bukan sahaja dalam bidang arkeologi, malah untuk negeri Pulau Pinang dan juga negara.

"(Dan) inilah hasil komitmen Kerajaan Negeri selama enam tahun ini termasuk menempatkan semula penduduk yang telah menetap di tapak bersejarah itu sejak beberapa generasi," ujarnya pada sidang media di sini pada hari berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang; Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dr. Mokthar Saidin dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi.



TENGKORAK yang ditemui. *(Gambar ihsan: PPAG, USM).*

Menurut Guan Eng, sejak 2010, Kerajaan Negeri telah memberi kebenaran awal kepada PPAG, USM untuk menjalankan kajian di tapak yang dipercayai merupakan lokasi penempatan awal lebih lama daripada Lembah Bujang, Kedah.

"Malah, Kerajaan Negeri juga telah memberi hak milik tanah di tapak arkeologi Guar Kepah seluas 9,671 meter persegi kepada Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Pulau Pinang dan memperuntukkan RM830,000, hampir sejuta bagi membangunkan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah.

"(Dan) dengan penemuan baru ini, segala kerja-kerja pembangunan galeri dihentikan buat sementara waktu sehingga analisis saintifik selesai atau sehingga arahan diberikan oleh Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II)... yang penting adalah untuk mendedahkan semua bukti insitu," jelasnya.

Tambah Guan Eng, selaras dengan penemuan baru yang mempunyai nilai sejarah tinggi, Kerajaan Negeri berharap supaya Kerajaan Persekutuan juga dapat memberi kerjasama sewajarnya sama ada dalam bentuk kewangan mahupun khidmat nasihat bagi memastikan pembangunan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah memberi manfaat bukan sahaja untuk penduduk tempatan, malah memperkenalkan Malaysia di persada arkeologi dunia.

Difahamkan, Kerajaan Negeri sebelum ini pernah membangkitkan perkara berkaitan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi mendapatkan bantuan dana, namun tiada peruntukan yang diterima.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk membawa balik hasil penemuan awal yang disimpan di Universiti Leiden, Belanda kini.

"Kerajaan Negeri berpandangan tapak arkeologi Guar Kepah mempunyai sejarah yang tidak ternilai dan perlu dipelihara serta berpotensi menjadi tempat rujukan, kajian dan sumber ilmu bagi ahli akademik.



PROF. Dr. Mokthar Saidin (kiri) ketika di tapak arkeologi Guar Kepah, SPU. *(Gambar ihsan: PPAG, USM)*



RANGKA manusia yang ditemui. *(Gambar ihsan: PPAG, USM).*

"Dari segi ekonomi, Guar Kepah boleh diperkenalkan sebagai lokasi warisan yang bukan sahaja menarik pelancong tempatan, malah antarabangsa," ujarnya.

Sekitar tahun 1860, Guar Kepah menjadi tapak ekskavasi arkeologi pertama di Malaysia dijalankan oleh Sir G.W. Earl yang menemui 37 rangka manusia Zaman Neolitik. Kini penemuan tersebut berada di Universiti Leiden dan akan dibawa pulang ke sini.

Sementara itu, bagi Mokthar yang mengetuai pasukan arkeologi berkaitan, beliau menyatakan bahawa penemuan baru itu adalah sangat penting sejak ekskavasi 1860 oleh British.

Katanya, Guar Kepah akan menjadi bukti wujudnya penempatan manusia terawal di Pulau Pinang.

"Ia (penemuan) akan menyumbang data kepada sejarah serantau tentang cara hidup manusia zaman tersebut.

"(Dan) hasil daripada pentarikhan karbon (*carbon dating*) yang dilaksana pada tahun 2010 mendapati terdapat penempatan awal manusia pra-sejarah zaman Neolitik di sini iaitu zaman permulaan aktiviti pertanian," ujarnya yang memerlukan sekurang-kurangnya dua minggu bagi mendedahkan penemuan baru di tapak arkeologi Guar Kepah.

# Pulau Pinang turut fokus pelancongan kesihatan - Exco

**GEORGE TOWN –** Industri pelancongan kesihatan telah menyumbang kepada peningkatan jumlah pelancong ke negeri Pulau Pinang, kata Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, kebanyakan pelancong industri yang datang ke sini adalah untuk mendapatkan khidmat perubatan di Pulau Pinang.

"Pelancongan perubatan merupakan antara produk (pelancongan) yang pesat berkembang dalam tempoh terdekat di sini.

"Terdapat lebih 300,000 pesakit luar negara memilih Malaysia untuk mendapatkan rawatan, yang mana sebahagian besarnya menjadikan Pulau Pinang sebagai pilihan.

"Ini adalah kerana kita (Kerajaan Negeri) tidak hanya memfokuskan kepada sektor pelancongan semata-mata, malah juga kepada pelancongan kesihatan," ujarnya pada Majlis Perasmian Forum Pelancongan dan Kesihatan di sini baru-baru ini.

Forum tersebut adalah anjuran bersama *The Penang Centre of Medical Tourism* dengan kerjasama *investPenang* (iP).

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, bagi menggalakkan perkembangan industri perubatan di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri tidak bertindak berdiam diri, sebaliknya produktif dalam menyediakan rakyat dengan beberapa faedah kesihatan dari semasa ke semasa.

"Di Pulau Pinang, sejak dua tahun lalu, kita (Kerajaan Negeri) telah mula melaksanakan program mamogram percuma kepada lebih 6,000 wanita yang berusia 35 tahun dan ke atas.

"Malah, turut dipergiatkan ialah program *Penang Heart Safe* bagi mewujudkan kesedaran umum mengenai penggunaan peranti *Automated External Defibrillator* (AED) dan cara untuk melakukan bantuan pernafasan (CPR) ketika kecemasan.

"Umumnya, inisiatif ini telah memperoleh pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBOR) dalam kategori penyertaan teramai apabila lebih 6,000 peserta menyertai kempen ini tahun lalu (2016)," jelas beliau.

# Persempadanan semula, Guan Eng wakili Kerajaan Negeri mulakan saman tanpa tunggu pendengaran

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memulakan saman terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kerana didakwa gagal menjalankan tanggungjawab dalam membuat persempadanan semula kawasan pilihan raya mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, maklumat baru yang diterima berhubung perkembangan persempadanan semula adalah amat memeranjatkan.

"Sebelum ini, pada 4 April 2017, kita (Kerajaan Negeri) telah mengemukakan bantahan bagi kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya kepada SPR dan berhasrat untuk mengemukakan bantahan kali kedua 7 April 2017.

"Namun, perkembangan terbaru yang diterima, Exco-Exco yang bermesyuarat hari ini (5 April 2017), telah bersetuju untuk memfailkan saman dahulu tanpa melalui proses pendengaran kerana kegagalan persempadanan semula oleh SPR mengikut Perlembagaan Persekutuan," ujarnya pada sidang media di sini 5 April lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy merangkap ADUN Perai; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap ADUN Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo; Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap ADUN Padang Lalang, Chong Eng dan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, sebenarnya beliau ingin menunggu selepas pusingan kedua sebelum mengambil tindakan sedemikian, iaitu selepas bantahan dihantar akan ada pendengaran, sekiranya tidak mendapat jawapan yang memuaskan, baru membuat saman di mahkamah.

"Tapi, oleh kerana perkembangan baru, (Mesyuarat) Exco telah bersetuju untuk saya memulakan saman tanpa menunggu (sesi) pendengaran," jelasnya yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Tegas Guan Eng, langkah terbaru itu adalah kerana SPR didakwa gagal membuat persempadanan semula berdasarkan prinsip "satu orang, satu undi, satu nilai" yang didesak oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini.

"Sepatutnya SPR membuat persempadanan semula berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, tetapi untuk kali ini di Pulau Pinang mereka tidak buat langsung," katanya.

Pertengahan November lalu, Guan Eng buat kali pertama membantah cadangan persempadanan semula SPR, khusus bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Paya Terubong.

Guan Eng dalam prosiding bantahan ketika itu mendedahkan bahawa KADUN Air Putih yang diwakilinya mempunyai 12,752 pengundi berbanding 41,707 pengundi di KADUN Paya Terobong dengan nisbah 3.27 kali ganda.

Baginya, cadangan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dilaksanakan tiap-tiap 10 tahun sepatutnya lebih adil, sebagaimana dituntut dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ini kerana, kata Guan Eng, Fasal (2) Perkara 113 di bawah sub-seksyen 2(C) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi: Bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu Negeri patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa, dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar, ukuran perwajaran bagi kawasan patutlah diberikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan dokumen-dokumen berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Kadar baharu sumbangan pemaju ditangguh hingga hujung tahun - Exco

**GEORGE TOWN –** Pelaksanaan kadar baharu sumbangan daripada pemaju perumahan yang tidak membina rumah mampu milik (RMM) Jenis A (kos rendah) dan Jenis B (kos sederhana rendah) ditangguhkan sehingga hujung tahun ini.

Perkara itu diulas oleh Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo setelah menerima respons daripada pihak pemaju berhubung pelaksanaan berkaitan.

Jagdeep berkata, penangguhan itu adalah bagi memberi ruang kepada pihak pemaju perumahan untuk bersiap-sedia apabila pelaksanaannya dimuktamadkan nanti.

"Pihak pemaju perumahan mesti faham, sumbangan dikenakan adalah bagi membolehkan rumah mampu milik (RMM) dibina untuk rakyat, dan dasar lama tidak lagi sesuai apabila harga bahan binaan kini lebih mahal termasuk implementasi cukai GST (cukai barangan dan perkhidmatan)," jelasnya sejurus mengadakan sidang media mengumumkan penganjuran majlis memperingati pemergian mendiang Karpal Singh dekat Wadda Gurdwara Sahib, Jalan Gurdwara di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri mengumumkan kenaikan kadar sumbangan pemaju yang tidak membina RMM Jenis A dan Jenis B daripada RM120,000 kepada RM150,000 setiap unit.

Walau bagaimanapun, bagi pihak pemaju, kenaikan kadar tersebut dikatakan adalah sedikit tinggi dan perkara berkaitan sudah dimaklumkan kepada pihak pentadbiran negeri.

Secara dasarnya, pemaju yang tidak membina rumah mampu milik Jenis A dan Jenis B serta tidak menggunakan kuota rumah (sama ada daripada syarikat pemaju yang sama atau subsidiarinya) dikehendaki membayar sumbangan ditetapkan mengikut unit kepada Kerajaan Negeri.




# Pulau Pinang komited bantu pelajar layak tingkat tahap pendidikan



SALAH seorang pempamer menunjukkan demonstrasi robotik kepada Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kiri) bersempena penganjuran Ekspo Pendidikan Negeri Pulau Pinang 2017 di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN DALAM –** Sejak *Penang Future Foundation (PFF)* diperkenalkan dua tahun lalu, sejumlah 200 biasiswa berjumlah hampir RM12 juta dianugerahkan kepada pelajar yang layak melanjutkan pelajaran dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, matematik dan perakaunan.

Kenyataan tersebut dinyatakan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy pada Majlis Perasmian Ekspo Pendidikan Negeri Pulau Pinang 2017 di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, pada tahun lalu, Kerajaan Negeri telah menyalurkan pinjaman pendidikan berjumlah RM3 juta kepada 882 pelajar yang layak melanjutkan pelajaran pada peringkat siijil hingga Ijazah Sarjana Kedoktoran (PhD).

"Malah, Kerajaan Negeri turut menyumbangkan bantuan pendaftaran institusi pengajian tinggi awam kepada mereka yang layak sebanyak RM1,000 menerusi program i-BITA.

"Selain bantuan kewangan, kita (Kerajaan Negeri) juga menyediakan program peningkatan kemahiran *German Dual Vocational Training* (GDVT) di bawah *Penang Skills Development Center (PSDC)* kepada mereka yang berminat.

"Bagi golongan tidak berkemampuan, badan berkanun Kerajaan Negeri, Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (PHEB) juga memperuntukkan RM600,000 bagi biasiswa kepada mereka yang layak sejak lapan tahun lalu," jelasnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Pengerusi Khas Jawatankuasa Sekolah-sekolah Tamil Pulau Pinang, Datuk Dr. K. Anbalagan; Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Perbadaran Seberang Perai (MPSP), M. Satess dan David Marshel serta Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan.

Penganjuran tersebut adalah hasil usahasama Kerajaan Negeri bersama-sama Pen Expo dan SME Seberang Perai membabitkan 40 kolej dan universiti-universiti tempatan.

Mengulas lanjut, Ramasamy memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sentiasa bersikap adil dalam membantu rakyat negeri ini yang berhasrat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

"Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) amat komited membangunkan aspek sumber manusia ke arah mentransformasikan Pulau Pinang kepada sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan pintar kelak," ujarnya.

# Kursus pasca perkahwinan elak penceraian muda - Exco

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri kini dalam proses kajian untuk mengadakan kursus pasca perkahwinan kepada pasangan-pasangan beragama Islam yang baharu mendirikan rumah tangga sebagai inisiatif menangani isu penceraian muda.



ABDUL Malik Abul Kassim ketika berucap pada Majlis Perasmian Klinik Bergerak Wacana Celik Undang-undang bertemakan Hak-hak Keluarga Dalam Islam: Tahukah Anda? di sini baru-baru ini.

Menurut Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, penelititan tersebut akan dihantar ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).

"Kita bersyukur Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kini telah menyediakan modul-modul pasca perkahwinan berkaitan, jadi jika dilaksanakan, ianya mungkin tidak berdepan kesukaran," ucapnya pada Majlis Perasmian Klinik Bergerak Wacana Celik Undang-undang bertemakan Hak-hak Keluarga Dalam Islam: Tahukah Anda? di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang, Datuk Abdul Walid Abu Hassan; Mantan Mufti Terengganu, Datuk Ismail Yahya serta barisan panel.

Mengulas lanjut, Abdul Malik memberitahu, Kerajaan Negeri juga berhasrat memperbaiki pangkalan data berkenaan pasangan-pasangan beragama Islam yang sudah berkahwin untuk disimpan di dalam sistem yang sempurna (bukan hanya difailkan) bagi membolehkan maklumat-maklumat berkenaan latar belakang, status ekonomi dikenal pasti dengan mudah.

Dalam pada itu, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung turut menyasarkan klinik bergerak berkaitan dapat dianjurkan di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam memperkayakan pengetahuan orang ramai tentang undang-undang kekeluargaan Islam.




MAMMO PENANG
MAMMO PENANG 'Sayangi Wanita Pulau Pinang'

## Jadual Mammo Penang 2017

| | Sabtu | Bahagian Pulau | Seberang Perai | Ahad | Bahagian Pulau | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Mei | 6 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya | 7 | Pantai Jerjak | Penanti |
| | 13 | Padang Kota | Bukit Tambun | 14 | Batu Maung | Perai |
| | 20 | Air Putih | Bagan Jermal | 21 | Seri Delima | Sungai Bakap |
| | 27 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 28 | Pulau Betong | Berapit |
| Jun | 3 | Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Yang di-Pertuan Agong | | 4 | Dato Keramat | Bertam |
| | 10 | Pulau Tikus | Jawi | 11 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| | 17 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 18 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |
| | 24 | | | 25 | Hari Raya Puasa | |
| Julai | 1 | Batu Uban | Machang Bubok | 2 | Komtar | Pmtg Berangan |
| | 8 | Sambutan Ulang Tahun Kelahiran TYT | | 9 | Air Itam | Teluk Air Tawar |
| | 15 | Paya Terubong | Sungai Acheh | 16 | Bagan Dalam | Sungai Dua |
| | 22 | Sungai Pinang | Sungai Puyu | 23 | Teluk Bahang | Penaga |
| | 29 | Pantai Jerjak | Penanti | 30 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya |

# Utama keselamatan, kurangkan kadar kematian



MOHD. Rashid Hasnon, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, waki-wakil penganjur dan pempamer menyaksikan aksi *drift* salah seorang pemandu pada penganjuran Karnival Usahawan Permotoran 2017 di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN -** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berharap para pemandu dalam negara, khususnya di Pulau Pinang dapat mengutamakan aspek keselamatan dan sekaligus mengurangkan kadar kemalangan maut.

Katanya, beliau difahamkan bahawa jumlah mangsa kemalangan maut di Malaysia pada tahun 2016 adalah berjumlah 7,152 orang berbanding 6,706 (2015).

"Peningkatan yang dicatatkan adalah sebanyak enam peratus, ini dah macam pergi 'perang'... kita tidak mahu jadi jaguh dalam kes-kes macam ini, biarlah kita jaguh dalam perkara yang baik-baik sahaja.

"Misalnya, baru-baru ini Pulau Pinang diumumkan sebagai tempat kedua lokasi terbaik untuk dilawati di dunia oleh stesen televisyen antarabangsa CNN... macam itu juga Mohd. Faiz Subri yang mengharumkan nama Malaysia dengan memenangi anugerah Puskas FIFA sebagai penjaring gol tercantik 2016," ucapnya pada penganjuran Karnival Usahawan Permotoran 2017 Ketiga dekat Stadium Negeri Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Dato' Law Choo Kiang; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Pegawai Daerah bagi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Mohd. Ali Sabran; Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar dan Pengerusi Penganjur Karnival Usahawan Permotoran 2017, Khairul Ilhami.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri sentiasa membuka peluang kepada usahawan di negeri ini dengan mewujudkan pelbagai peluang perniagaan, tawaran pinjaman mikro kredit dan Taman Sains Pulau Pinang (PSP).

"Di PSP juga terdapat kilang Honda yang mampu menghasilkan pengeluaran sebanyak 350,000 unit motosikal setahun," jelasnya.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid ketika berucap menyatakan bahawa penganjuran karnival tersebut berjaya mengumpul pengusaha-pengusaha barangan melibatkan permotoran seperti alat ganti, minyak pelincir, aksesori, pertunjukan kereta *drift*, sistem audio, ubahsuai, cub prix, trak makanan, cabutan bertuah, pendaftaran pengundi dan lain-lain.

# KN tidak 'peralatkan' DUN untuk tujuan balas dendam, tapi buat usul demi rakyat - Guan Eng

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa hasrat untuk membawa suatu usul mengecam dan mengutuk kenyataan Ahli Parlimen Tasek Gelugor berhubung isu perogol mengahwini mangsa mereka ketika perbahasan di Dewan Rakyat 4 April lalu pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Mei ini, bukan bersifat balas dendam politik.

Sebaliknya, katanya, **hasrat Kerajaan Negeri itu adalah kerana rakyat marah dengan kenyataan Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya.**

**"Itu (Umno membentangkan usul gesaan peletakan jawatan Ketua Menteri) adalah hak mereka (Umno), dan sekiranya dibenarkan oleh Speaker (Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, DUN), Kerajaan Negeri tiada masalah, termasuk saya.**

**"Kita (Kerajaan Negeri) mengamalkan demokrasi, Umno (pembangkang) bebas membentangkannya sekiranya dibenarkan oleh Speaker. Kerajaan Negeri tidak 'peralatkan' DUN untuk tujuan politik, balas dendam dan hasrat dengki, tapi buat usul demi rakyat**," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut kesal dengan tindakan Umno yang cuba 'memperalatkan' Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk tujuan politik dan bukannya bagi membincangkan masalah rakyat.

"Saya rasa tindakan Umno membuat usul balas sebagai satu penyalahgunaan dan penghinaan terhadap Dewan Undangan Negeri (DUN) yang seharusnya digunakan (sebagai tempat) membincangkan masalah rakyat dan bukanlah untuk balas dendam politik.

"(Dan) ia menunjukkan bahawa Umno tidak ada 'rasa' kepentingan rakyat dalam hati mereka.

"Sedangkan kita (Kerajaan Negeri) buat usul tersebut kerana rakyat marah dengan kenyataan Shabudin," katanya yang merupakan Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Dalam pada itu, Guan Eng sebagai respons terhadap kenyataan Umno Pulau Pinang yang disiarkan dalam dua akhbar berbahasa Inggeris baru-baru ini menyatakan bahawa, sekiranya ingin membalas dendam, Kerajaan Negeri mempunyai banyak usul terhadap Shabudin dan salah satunya berhubung skandal penjualan tanah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) di bawah harga pasaran dekat Seberang Perai Selatan (SPS) dengan kerugian RM15.2 juta.

"Tanah yang seharusnya dibina rumah kos rendah untuk rakyat oleh syarikat pemaju SYT Prestige Sdn. Bhd., sebaliknya, mengemukakan permohonan untuk membina 27 unit kedai pejabat dan permohonan tersebut ditolak oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 19 April 2016 kerana tidak memenuhi syarat.

"Walau bagaimanapun, isu skandal tanah ini telahpun dibawa untuk perhatian Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"(Dan) sehingga ke hari ini, tiada satu permohonan pun daripada SYT Prestige Sdn. Bhd. untuk membina rumah kos rendah...ia jelas menunjukkan bahawa Shabudin tidak bercakap benar.

"Seperti yang dinyatakan, sekiranya kita (Kerajaan Negeri) ingin membalas dendam, kita boleh menggunakan isu penjualan tanah PERDA yang menyebabkan kerugian ketara untuk rakyat RM15.2 juta...tetapi kita tidak berbuat demikian," jelasnya.



# Exco Kesihatan puji penganjuran CPR-AED hampir pecah rekod MBOR 2015

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**DATUK KERAMAT –** Sesi latihan kecemasan menyelamat mangsa serangan jantung melalui teknik resusitasi kardiopulmonari (CPR) dan alat *Automated External Defibrillator* (AED) di Sekolah Tinggi Han Chiang baru-baru ini menerima pra pendaftaran peserta seramai 5,535 orang daripada kalangan guru dan pelajar.

Ketika berucap, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, jumlah pra pendaftaran tersebut hampir memecah rekod peserta terbesar dalam sesi CPR seramai 6,806 orang pada tahun 2015, dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR).

"Saya dimaklumkan pra pendaftaran pada hari ini ini adalah seramai 5,535 orang, dan jumlah pra pendaftaran di Sekolah Tinggi Jit Sin yang akan diadakan serupa program ini pada 6 Mei nanti adalah seramai 4,965 orang.

"Tahniah kepada *Lion Club of Georgetown Central* selaku penganjur dengan kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan beberapa pihak lagi kerana hampir memecahkan rekod MBOR dua tahun lepas," katanya pada majlis berkaitan di sini 8 April lepas.

Afif dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada beberapa penganjur bersama lain, antaranya Hospital Pulau Pinang; Hospital Seberang Jaya; St. John Ambulans Malaysia Negeri; Persatuan Bulan Sabit Merah - Cawangan Pulau Pinang; Persatuan Kebajikan Perubatan Kecemasan Pulau Pinang serta barisan penaja program bersama itu.

"Kempen ini akan membantu pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan CPR (dengan menggunakan alatan) AED demi menyelamatkan nyawa mangsa serangan jantung.

"Ia (AED) direka untuk membantu meningkatkan keupayaan melaksanakan CPR sekiranya berlaku kecemasan, sebelum bantuan perubatan dari hospital tiba," jelasnya.



**BEBERAPA pelajar memerhatikan demonstrasi teknik CPR oleh pelatih bertauliah pada penganjuran sesi latihan CPR-AED di sini baru-baru ini.**



## Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0




Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..............................................

Alamat: ..............................................

..............................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..............................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ..............................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka dari **1 April 2017** hingga **31 Julai 2017.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil karya adalah hak milik penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM400**
**Kedua : RM250**
**Ketiga : RM150**
**4 Hadiah Saguhati**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ramli Omar<br>ramliomar53@gmail.com | 012 - 487 3070 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012 - 594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 012 - 445 1767 | - Muazah |
| N2 | Bertam | : 012 - 466 9681 | - Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | : 012 - 505 1334 | - Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | : 016 - 412 8588 | - Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | : 012 - 475 4326 | - Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 010 - 406 2128<br>013 - 595 6865 | - Nurafiqah<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 383 9131 | - Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 0111-508 0215 | - Siti Hajar Abdul Aziz |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 010 - 811 7300 | - Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 231 0806 | - Yusof Ismail |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 464 3004 | - Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695<br>017 - 569 6712 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Mei 2017





### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB, NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Gelanggang futsal dan dewan baharu untuk penduduk Penanti

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PENANTI -** Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan berjumlah RM2.3 juta bagi membangunkan sebuah gelanggang futsal dan dewan serba guna baharu berdekatan Taman Guar Perahu di sini.

Perkara itu diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir pada Majlis Pecah Tanah Bina Semula Gelanggang Futsal Berbumbung dan Dewan Serba Guna Baharu 16 April lalu.

"Gelanggang futsal berbumbung baharu dianggarkan menelan kos RM300,000, dan projek ini diberikan secara tender terbuka kepada syarikat Faz East Engineering Sdn. Bhd. dengan reka bentuk bumbungnya oleh Jurutera Perunding Cahaya Sdn. Bhd..

"Manakala, bagi dewan serba guna pula, menelan kos RM2.01 juta dan dijangka siap pada Mac 2018," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan di gelanggang futsal Guar Perahu pada majlis pecah tanahnya di sini baru-baru ini.

Penasihat Strategik kepada Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail dan Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Zulkifli Long serta pemimpin tempatan turut serta pada majlis tersebut.

Guan Eng yang turut meluangkan masa meninjau tapak projek berkata, **pembinaan gelanggang futsal dan dewan serba guna tersebut bakal membawa lembaran baharu bukan sahaja untuk penduduk setempat, malah seluruh rakyat di Penanti.**

**"Apabila siap nanti, saya percaya ia dapat memberi manfaat dan perubahan baru secara langsung untuk penduduk setempat.**

**"Saya harap penduduk juga dapat bersabar dan memberi kerjasama supaya projek ini dapat dilaksanakan segera**," ujarnya.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menangkis dakwaan sesetengah pihak kononnya Kerajaan Negeri meminggirkan pembangunan di Seberang Perai dan kawasan pedalaman.

"Buktinya, di bawah Kerajaan Negeri, 60 peratus daripada keseluruhan projek pembangunan adalah di Seberang Perai, begitu juga projek Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) iaitu 70 peratus dan projek-projek di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC (90 peratus)...semua di Seberang Perai.

"Begitu juga di Penanti, sejumlah RM13 juta diluluskan bagi projek-projek sistem perparitan di sini.

"Semua ini adalah bukti untuk menangkis tuduhan pihak tidak bertanggungjawab," jelasnya.

## Projek rumah pam untuk kurangkan risiko banjir kilat Taman Cantik

**BAGAN JERMAL -** Kerajaan Negeri memperuntukkan RM40 juta untuk membina rumah pam demi mengurangkan risiko banjir kilat yang didepani penduduk Taman Cantik serta sekitar kawasan di sini kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ketika melawat rumah sebuah keluarga yang dilanda banjir kilat setinggi dua kaki pada 29 Mac lalu.

"Kawasan ini (Taman Cantik) sebenarnya adalah di kedudukan kawasan tanah rendah sejak dahulu lagi.

"Saya datang ke sini bukan sahaja untuk menzahirkan simpati, tetapi juga memberikan keyakinan bahawa pihak Kerajaan Negeri telah merancang satu program tebatan banjir.

"**Kita (Kerajaan Negeri) harap (projek rumah pam ini disiapkan) dalam dua tahun hingga dua tahun setengah, akan membuka lembaran baru di kawasan Taman Cantik ini**," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan ketika melawat keluarga seorang mangsa yang mahu dikenali sebagai 'Lim'.

Menurut Guan Eng, **Kerajaan Negeri sebelum ini telahpun memasang dua pam air untuk mengurangkan risiko banjir kilat.**

**Namun, jelas beliau, inisiatif jangka pendek itu seakan-akan kurang berkesan disebabkan lambakan air yang banyak apabila hujan lebat secara berterusan berlaku di sini.**

**"Kalau ada niat baik tetapi tiada wang, tidak boleh buat apa-apa.**

**"Nasib baik Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada sedikit wang (surplas), maka bolehlah membelanjakan wang (RM40 juta) ini untuk kebajikan rakyat (melaksanakan projek tebatan banjir)**," katanya sambil menzahirkan rasa simpati terhadap semua mangsa banjir di Taman Cantik.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng yang juga Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti; Phee Boon Poh (ADUN Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan A. Thanasekharan (ADUN Bagan Dalam) turut sertai lawatan ringkas Guan Eng ke rumah mangsa banjir tersebut.

## Exco umum RM490,000 projek cegah banjir di Solok Merican ke Jalan Pahang

**KOMTAR -** Kejadian banjir kilat di sekitar Solok Merican ke Jalan Pahang baru-baru ini adalah disebabkan sistem perparitan sedia ada tidak mampu menampung limpahan air dari lembangan Sungai Pinang.

Mengulas lanjut, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) meluluskan RM490,000 untuk projek pembesaran longkang sedia ada, meningkat aras ketinggian sebahagian jalan serta menyediakan laluan pejalan kaki di sini.




CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri), Teh Lai Heng (barisan depan, dua dari kanan) serta pihak-pihak berkaitan meneliti pelan projek cegah banjir di Solok Merican ke Jalan Pahang ketika lawatan tapak di sini baru-baru ini.

"Ini adalah antara projek jangka pendek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri...kerja-kerja pelaksanaan projek dijangka pada bulan Jun ini.

"Diharapkan, projek ini dapat mengurangkan risiko banjir kilat selepas siap pada Disember 2017 nanti," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota kepada pemberita, ketika melawat lokasi kejadian banjir kilat di sini.

Turut serta, ADUN Komtar, Teh Lai Heng, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang, Ahli Majlis bagi MBPP, Wong Yuee Harng dan wakil-wakil jabatan berkaitan.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow memberitahu, terdapat 11 projek mengurangkan risiko banjir dilaksanakan di negeri ini, dengan kos RM51,990,652.20 daripada sumber caruman perparitan.

Itu, menurutnya, tidak termasuk sembilan projek lain di negeri ini dalam tempoh tahun 2017 hingga 2019, yang menelan belanja RM150 juta.

"Sehinggalah projek-projek yang sedia ada dirancang ini siap, barulah dapat dilihat kesannya," jelas Kon Yeow.

# Jangan termakan fitnah parti lawan, respons Guan Eng



KETUA Menteri sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri mengadakan lawatan dan menyampaikan sumbangan kepada Nur Amalia Danisyah.



SEBAHAGIAN jemputan dan penduduk sekitar yang hadir pada Majlis Kenduri Rakyat Sempena Perasmian Pusat Khidmat Permatang Pasir dekat Kampung Petani di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PERMATANG PASIR -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengingatkan para pemimpin Pakatan Harapan (PH) dan rakyat supaya tidak termakan fitnah parti lawan di Pulau Pinang.

"Mainan perkauman ini sangat bahaya, dan boleh pecah-belahkan rakyat.

“Sebelum ini, pimpinan MCA tuduh saya ambil undi Cina tetapi tolong orang Melayu, ada juga yang cakap saya tidak tolong Melayu dan anti Islam. Namun, bila kita kemukan angka dan fakta isu ini dilihat reda.

"Sebagai Kerajaan Negeri, kita tolong orang tidak kira kaum agama dan latar belakang," katanya pada sidang media Majlis Kenduri Rakyat Sempena Perasmian Pusat Khidmat Permatang Pasir dekat Kampung Petani di sini 16 April lalu.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Khas, Mohd. Azhar Che Mat Dali; Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa; Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu; kepimpinan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan kepimpinan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Mengulas tentang pembukaan Pusat Khidmat Permatang Pasir baharu, Guan Eng menegaskan bahawa PH perlu memfokuskan perkhidmatan kepada rakyat.

"Fokus kepada rakyat terlebih dahulu, kita tidak mahu bercakap mengenai pilihan raya lagi... di sini kita berharap agar perkhidmatan terbaik dapat diberikan oleh beliau (Mohd. Azhar) kepada rakyat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir," ujarnya yang juga Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP).

Pada majlis tersebut, Guan Eng turut menyampaikan sumbangan kepada para penggali kubur, golongan kurang berkemampuan serta Pengerusi-pengerusi masjid sekitar DUN Permatang Pasir.

Pada kesempatan sama, Guan Eng turut meluangkan masa melawat dan menyampaikan sumbangan kepada seorang pesakit batuk kering (TIBI), Nur Amalia Danisyah, 17, dekat Kampung Petani, Permatang Pasir.

## Projek kurangkan risiko banjir kilat di Bayan Baru jangka mula September

**PANTAI JEREJAK -** Kos pembinaan rumah pam skru, pintu air monsun serta kerja-kerja penarafan sistem saliran di kawasan *hotspot* banjir sekitar Bayan Baru menelan belanja kira-kira RM21.1 juta.

Mengulas lanjut, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, kerja-kerja di lapangan projek tersebut dijangka paling awal pada bulan September ini.

"Juru perunding merekabentuk suatu sistem dengan peruntukan yang ada untuk cuba tangani dan mengurangkan impak banjir di kawasan bandar Bayan Baru ini.

"Kerja-kerja di tapak akan bermula pada September nanti," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota ketika mengadakan lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga ADUN Pantai Jerejak, Pengarah Jabatan Pengairan Negeri, Ir. Sabri Abdul Mulok dan wakil-wakil jabatan berkaitan.



SUNGAI Relau di sini.

Bercakap pada sidang media sama, Sabri memberitahu, banjir kilat yang berlaku pada 1 April lalu antara lain berpunca oleh limpahan air di Sungai Relau A, Sungai Relau B dan Sungai Relau yang tidak dapat dinyah keluar ke Sungai Keluang.

"Kaedah penyelesaian adalah kita kena kawal paras air Sungai Relau supaya boleh diturunkan apabila berlakunya hujan lebat dan air pasang (dari Sungai Keluang)," jelasnya.

## RM40 juta projek tebatan banjir bandar Mak Mandin mula September - Exco

**BAGAN DALAM -** Kerja-kerja di lapangan projek tebatan banjir bandar Mak Mandin bernilai RM40 juta dalam tempoh dua tahun dijangka bermula pada bulan September ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, projek berkaitan meliputi 4.45 kilometer persegi, termasuk usaha mengurangkan risiko banjir kilat di Taman Cantik dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Jermal dan Taman Bagan dekat KADUN Bagan Dalam, yang melibatkan kira-kira 225 rumah kediaman.

"Aliran air dua sungai (Sungai Mak Mandin dan parit monsun dari Teluk Air Tawar) ini bertembung dan bersambung ke Sungai Perai.

"Cadangan kita (Kerajaan Negeri) adalah membina sebuah rumah pam yang lebih besar di pertembungan dua sungai ini supaya boleh membawa keluar limpahan air ke Sungai Perai, manakala pintu air parit monsun pula adalah bagi menghalang masuk limpahan air ketika air pasang," jelasnya ketika melawat kawasan *hotspot* banjir di Mak Mandin di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, rumah pam sementara sedia ada akan dirobohkan dan dua pam boleh bergerak di sini akan dipindahkan ke lokasi lain apabila projek rancangan tebatan banjir (RTB) bernilai RM40 juta berkaitan siap kelak.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri (JPS), Ir. Sabri Abdul Muluk turut sertai lawatan kerja berkaitan.

# GRPB dalam Manual, bakal dilaksana di peringkat Kerajaan Tempatan

**SATU** pelancaran penerbitan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah diadakan bersempena dengan Hari Wanita Sedunia dan juga Bengkel Usahawan Projek Kita pada 25 Mac 2017 di Ixora Hotel Seberang Perai.

Tiga jenis penerbitan tersebut adalah untuk sasaran tiga jenis kumpulan di peringkat yang berlainan iaitu *Manual Gender Responsive dan Participatory Budgeting* (GRPB) untuk kakitangan kerajaan dan kerajaan tempatan; Buku Panduan "Bagaimana Melaksanakan Projek Penyertaan Rakyat di komuniti Anda" untuk Pemimpin Komuniti; dan Risalah berkaitan Bajet Kerajaan adalah untuk masyarakat umum.

"Malah, pada tahun lalu (2016), Malaysia berada di tangga ke-106 daripada 144 negara seluruh dunia yang mempunyai jurang penyertaan wanita terutama sebagai penggubal undang-undang mengikut *Global Gender Gap Index*.

"Bagaimanapun, di Pulau Pinang, sekurang-kurangnya saya boleh berbangga kerana penyertaan wanita di peringkat penggubal undang-undang mencecah 15 peratus, lebih tinggi daripada peratus peringkat kebangsaan," ujarnya baru-baru ini sambil merujuk kepada peratusan ketara penyertaan wanita sebagai Ahli Majlis dalam Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tahun ini yang mencatatkan 33.0 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng ketika ditemui berkata, sistem pilihan raya kini, *first-past-the-post*, dilihat sedikit-sebanyak menyukarkan penyertaan wanita dalam politik.

"Justeru, sebagai wanita, kita perlu mencari penyelesaian dan menyusun strategi yang konkrit ke arah pelaksanaannya kelak.




**CHOW Kon Yeow (barisan pertama, tiga dari kiri) dan Chong Eng (barisan pertama, dua dari kiri) bergambar kenangan dengan para jemputan, jawatankuasa penganjur dan peserta Majlis Peluncuran Buku Gender and Electoral Reform di sini baru-baru ini.**

"(Dan) hari ini, sejajar dengan hasrat itu, PWDC bukan sahaja meluncurkan buku panduan *Gender and Electoral Reform* untuk penggubal undang-undang dan aktivis, malah turut mengadakan siri forum bertajuk *Women and Inclusive Politics* bagi mendapatkan pandangan berhubung sistem sedia ada serta cadangan menambah penyertaan wanita dalam landskap politik negara," ujarnya yang juga hadir sebagai ahli panel forum.

Selain Chong Eng, turut menjadi ahli panel ialah Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin dan Ahli Parlimen Kota Raja, Dr. Siti Mariah Mahmud.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong yang menyampaikan ucapan penutup *Forum Women and Inclusive Politics*; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin; ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan dan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng.

## Kaji selidik PYDC sedia Pelan Tindakan Pembangunan Belia Negeri

**PADANG LALANG –** Sebanyak 56 pasukan menyertai penganjuran tahun ketiga Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC 2017 Peringkat Seberang Perai di sini.

Jumlah tersebut merupakan penyertaan terbanyak berbanding penganjuran dua tahun lepas.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) bakal menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Negeri Pulau Pinang dengan menjalankan kajian serta soal-selidik membabitkan golongan belia.

"Kami berharap dapat mengetahui cabaran dan permintaan golongan belia, supaya dapat memahami pemikiran serta cabaran mereka pada aspek pendidikan, sosial ekonomi, kehidupan, pembangunan diri, tahap penglibatan masyarakat dan agama," ujarnya ketika hadir pada Majlis Perasmian Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC Peringkat Kawasan Seberang Perai 2017 dekat Gelanggang Bola Keranjang Kota Permai baru-baru ini.

Sebelum itu, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng memberitahu, sejak tiga tahun lalu, Kerajaan Negeri melabur dalam program kejohanan seumpama itu demi mewujudkan gaya hidup lebih sihat membabitkan golongan belia.

"Bukan semua pelaburan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri akan memberikan kesan berganda (*multiplier effect*) dalam bentuk keuntungan.

"Begitu juga dengan acara tahunan seumpama ini, kesan bergandanya dilihat daripada segi sosial, seperti mewujudkan kondisi gaya hidup lebih sihat dalam kalangan belia," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Dalam acara berasingan di bahagian pulau, Guan Eng berharap sukan bola keranjang dapat membentuk semangat cintakan negeri, seperti yang dilaungkan, 'Saya ❤ Pulau Pinang'.

"Kerajaan Negeri bukan sahaja mahu inspirasi Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat menjadi sebahagian daripada identiti rakyat Pulau Pinang, malah juga perasaan dan semangat 'Saya ❤ Pulau Pinang' perlu juga diterapkan.

"Saya harap, anda semua bermain dengan penuh bersemangat dan semoga berjaya ," ucapnya pada Majlis Perasmian Kejohanan Bola Keranjang Piala PYDC Peringkat Kawasan Pulau 2017 dekat Taman Kejiranan Karpal Singh, Lorong Delima 11 baru-baru ini.

Turut sama, Chong Eng; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer.

## Berani untuk berubah, tema sambutan Hari Wanita 2017

**PANTAI JEREJAK –** Sambutan Hari Wanita 2017 disifatkan sebagai platform terbaik bagi meraikan pencapaian golongan wanita bertepatan dengan temanya, Berani Untuk Berubah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, pemilihan tema tersebut adalah bertepatan dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadikan wanita sebagai '*game changer*'.



**SEBAHAGIAN peserta yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Wanita 2017 PDC di sini baru-baru ini.**

"Wanita seharusnya lebih berani untuk menjadi agen perubahan buat diri sendiri, keluarga, organisasi, masyarakat, negeri dan juga negara.

"Golongan wanita mesti mempunyai sikap daya maju diri, percaya kepada kebolehan diri sendiri dan barulah kita (golongan wanita) boleh merubah nasib serta masa depan diri," ujarnya pada Majlis Sambutan Hari Wanita 2017 bersama-sama kakitangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Puspanita PDC, Datin Asliza Abdul Jali dan para kakitangan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) serta PDC.

Mengikut Indeks Jurang Gender Antarabangsa, Malaysia kini berada di tangga 106 daripada 144 negara di dunia berdasarkan jurang peluang ekonomi dan politik membabitkan golongan wanita.

Mengambil inspirasi daripada Datuk Nicol Ann David dam Datin Paduka Marina Mahathir yang masing-masing merupakan wanita berjaya dalam bidang diceburi, Soo Huey menyatakan bahawa golongan Hawa tidak seharusnya terus berselindung di belakang (golongan) lelaki, sebaliknya perlu mengetahui kaedah menyelesaikan masalah serta menghadapi cabaran secara sendiri.

"Masyarakat kini seharusnya keluar daripada kepompong peranan tradisional yang lazimnya diterapkan mengikut jantina dalam kehidupan berkeluarga, contohnya golongan wanita serta anak-anak perempuan hanya didedahkan dengan persekitaran rumah membabitkan kerja-kerja rumah seperti membasuh dan memasak.

"Perkara ini perlu berubah yang mana anak-anak kita kini perlu dididik dan dipupuk dari kecil untuk sama-sama menghadapi cabaran secara seimbang.

"Berikan peluang sama rata kepada kedua-duanya agar apabila besar kelak, mereka lebih berani untuk berhadapan dengan apa jua situasi dalam dunia yang mencabar kini," seru beliau.




## PENGENALAN

Program Agenda Ekonomi Saksama (AES), yang dahulunya dikenali sebagai Program Pembasmian Kemiskinan merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Mac 2009 untuk memberikan bantuan kewangan secara bulanan kepada golongan miskin di Negeri Pulau Pinang.

## KADAR BANTUAN

Penerima yang layak akan menerima bantuan kewangan pada kadar minimum di antara RM100.00 hingga kadar maksimum berjumlah RM790.00 secara tunai atau melalui akaun Bank. Bayaran secara tunai hanya dilaksanakan kepada penerima baru sahaja dan penerima yang mempunyai masalah dengan akaun BSN.

## SYARAT-SYARAT

Syarat-syarat permohonan program AES adalah seperti berikut :

a) Warganegara Malaysia;
b) Menetap di Negeri Pulau Pinang (Sekurang-kurangnya 5 tahun) dengan dokumen sokongan
   - Bil Elektrik & Bil Air.
c) Memiliki dokumen lengkap seperti berikut:
   - Kad Temujanji Perubatan / Buku Rekod Kelahiran Bayi (Suntikan Vaksin)
   - Kad Temujanji Perubatan/Rekod Kehadiran Warga Emas
   - Buku Rekod Laporan Akademik Anak

   **Ketiga-tiga dokumen ini perlu diserahkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah.**
d) Pengundi berdaftar di Pulau Pinang (selepas satu tahun menerima bantuan AES).
e) Memenuhi syarat PGK seperti berikut :

| KATEGORI Bil. Ahli Isi Rumah (AIR) | KELAYAKAN Berasaskan PGK isi rumah |
|---|---|
| 1 Orang | PGK kurang daripada RM300.00 |
| 2 Orang ke atas | Pendapatan perkapita tidak melebihi RM220 |

*Nota: PGK di atas adalah mengambil kira lain-lain bantuan yang diterima secara bulanan KECUALI bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu Bantuan Pesakit Terlantar (BPT) dan Bantuan Kanak-Kanak (BKK).*

## PERMOHONAN

Terdapat dua (2) kaedah permohonan iaitu:

a) Pemohon boleh mengemukakan permohonan melalui Borang Permohonan Program AES yang boleh didapati di Pejabat Daerah dan Tanah atau
b) Pengerusi JKKK akan turun padang mengenalpasti individu atau keluarga yang layak dan membantu mereka mengisi borang permohonan AES sebelum dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemohon menerima borang tersebut.

## KAEDAH PENGIRAAN

Kaedah pengiraan kadar bantuan AES mengikut bilangan isi rumah adalah seperti berikut :

**1 ORANG / RM300 :**

Jumlah bantuan AES yang diterima adalah bergantung kepada jumlah baki untuk menggenapkan PGK penerima tersebut kepada RM300 sebulan setelah ditolak jumlah bantuan lain yang diterima.

*Contoh :Penerima tinggal berseorangan dan mempunyai pendapatan seisi keluarga sebanyak RM150 sebulan (termasuk lain-lain bantuan yang diterima). Oleh demikian, Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan AES sebanyak RM150.00 sebulan.*

**2 ORANG KE ATAS :**

Berdasarkan PGK perkapita tidak melebihi RM220 seorang.

*Contoh 1 : Penerima mempunyai 2 orang isi rumah dan mempunyai PGK sebanyak RM200 sebulan (termasuk lain-lain bantuan yang diterima). Oleh demikian, Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan AES sebanyak RM240.00 sebulan.*

2 ORANG ISI RUMAH x RM220.00 = RM440.00
AES = RM440.00-RM200.00= RM240.00

*Contoh 2 : Penerima mempunyai 3 orang isi rumah dan mempunyai pendapatan sebanyak RM300 sebulan (termasuk lain-lain bantuan yang diterima). Oleh demikian, Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan AES sebanyak RM360.00 sebulan.*

3 ORANG ISI RUMAH x RM220.00 = RM660.00
AES = RM660.00 - RM300.00 = RM360.00

## PENAMAT BANTUAN

Bantuan AES akan ditamatkan sekiranya:

- Penerima AES meninggal dunia.
- Penerima AES berpindah keluar dari Pulau Pinang.
- Penerima AES tidak memberikan dokumen (kad temujanji perubatan / kehadiran anak, warga emas dan buku rekod akademik anak) dalam tempoh 3 bulan.
- Penerima AES mempunyai PGK melebihi syarat syarat kelayakan PGK yang ditetapkan.
- Penerima AES bukan pengundi Pulau Pinang. (tahun kedua selepas semakan semula).

• Diterbitkan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

# Dugaan hidup Makcik Khatijah peroleh perhatian ADUN

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**SUNGAI PINANG –** Walaupun diuji dengan dugaan hidup yang serba kekurangan, Khatijah Md. Yusoff atau lebih dikenali sebagai Makcik Khatijah, 63, tetap redha dengan nasib yang menimpa dirinya.

Menyedari keperitan hidup warga emas tersebut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim tampil menyalurkan bantuan bagi meringankan bebannya.

"Setelah diberitahu jiran-jiran, kunjungan pertama saya ke kediaman Makcik Khatijah adalah agak mengejutkan kerana keadaan rumahnya yang tidak terurus.

"Justeru, beberapa bentuk bantuan segera terus diberikan, antaranya bantuan makanan bulanan, pembayaran bil tunggakan elektrik, membawa beliau menjalani rawatan di hospital dan membersihkan sebahagian rumahnya.

"Malah, kami telah aturkan pertemuan dan lawatan bersama-sama Penghulu, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Pejabat Kesihatan Negeri bagi membolehkan bantuan-bantuan perlu disalurkan," jelasnya pada kunjungan ke kediaman Makcik Khatijah di Solok Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abd. Rashid dan Penghulu Pejabat Daerah Timur Laut, Khalid Zakaria.

Menceritakan kepada wakil Buletin Mutiara, Makcik Khatijah memberitahu, hidupnya mula tidak terurus setelah kematian suaminya pada Oktober tahun lalu.

"Makcik langsung tidak mampu bergerak, dan segala urusan harian dibantu oleh cucu perempuan makcik.

"Anak lelaki makcik bekerja sambilan di pasar dan hanya memperoleh gaji harian," jelasnya dalam nada sebak.

Orang ramai yang bersimpati dan ingin menghulurkan sumbangan sila hubungi Pejabat ADUN Sungai Pinang di talian 04 - 282 6630.



LIM Siew Khim (tengah) dan Syerleena Abd. Rashid (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan ke kediaman Makcik Khatijah di sini baru-baru ini.



# MBPP teliti cadangan pemutihan hotel/chalet/rumah tumpangan/restoran kategori eko-pelancongan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini dalam proses perbincangan berhubung cadangan pelaksanaan program pemutihan hotel/chalet/rumah tumpangan/restoran kategori eko-pelancongan di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan MBPP, Nur Zarina Zakaria berkata, pihaknya kini masih meneliti dan melakukan perbincangan lanjut ke atas keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri berhubung garis panduan pelaksanaan berkaitan.

"Cadangan pemutihan ini tertumpu kepada hotel/chalet/rumah tumpangan/restoran kategori eko-pelancongan yang mana ia dijustifikasikan sebagai perniagaan yang terletak di kawasan tanah bukit melebihi 76 meter atau 250 kaki.

"Buat masa ini, kita (MBPP) telah mengenal pasti tujuh perniagaan di bawah kategori ini yang masing-masing terletak di Teluk Bahang, Balik Pulau dan Teluk Kumbar," ujarnya sejurus Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) MBPP dekat Dewan Bandaraya baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong dan Timbalan Pengarah Perancangan Pembangunan MBPP, Roslan Ramly.

Mengulas lanjut, Nur Zarina memberitahu, usaha tersebut merupakan langkah terbaik yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengekang perniagaan yang tidak mematuhi garis panduan serta menjamin keadaan yang lebih selamat.

"Langkah ini amat bertepatan dilaksanakan kerana industri eko-pelancongan kini sedang berkembang dan secara tidak langsung membantu menjana ekonomi pelancongan di Pulau Pinang.

"Justeru, ia (perniagaan) perlulah mematuhi garis panduan. Ini kerana, kita (MBPP) ingin pastikan perniagaan-perniagaan ini dijalankan secara sah dan menjamin keselamatan pelancong serta para pengusaha," jelas beliau.



**NUR Zarina Zakaria (kiri) sambil ditemani Roslan Ramly menunjukkan pengesahan keputusan mesyuarat berhubung cadangan program pemutihan membabitkan hotel/chalet/rumah tumpangan/restoran kategori eko-pelancongan sejurus MBM MBPP di sini baru-baru ini.**

## Rampas papan tanda haram, tidak ikut garis panduan sahaja, respons MBPP



**ONG Ah Teong (tengah) pada sidang media operasi rampasan papan tanda tidak berlesen dan tidak mengikut garis panduan di sini baru-baru.**

**PADANG KOTA -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini merampas lima papan tanda komersial yang dikenal pasti tidak berlesen serta tidak mengikut garis panduan tapak warisan George Town, manakala sembilan papan tanda lain dirampas dalam operasi bersepadu serupa sehari sebelum itu.

Ahli Majlisnya, Ong Ah Teong memberitahu, langkah penguatkuasaan itu dilaksanakan selepas MBPP sejak 21 bulan lalu mengeluarkan notis-notis pemberitahuan kepada para pemilik premis perniagaan terbabit.

"Semalam (6 April 2017), kita (MBPP) hanya rampas papan tanda tidak berlesen... kain rentang di depan premis perniagaan yang tidak ikut garis panduan pun kita rampas.

"Kalau pengadang cahaya matahari diperbuat daripada buluh yang diletakkan di hadapan kedai mempunyai unsur pameran atau unsur komersial, pemilik mesti mendapatkan lesen dan ikut garis panduan papan tanda di tapak warisan juga, jika tidak akan dirampas juga," jelasnya dalam sidang media di Lebuh Acheh di sini.

Penjelasan Ang Teong itu adalah sebagai menjawab isu MBPP merampas pengadang cahaya matahari yang diperbuat daripada buluh di premis perniagaan tertentu dekat Lebuh Acheh, yang tular di beberapa media dan laman sosial *Facebook* sejak hari pertama operasi dilaksanakan.

Menurut Ah Teong, operasi bersepadu fasa pertama Program Pemutihan Dan Pematuhan Peletakan Papan Tanda Perniagaan Di Dalam Tapak Warisan adalah melibatkan tiga jabatan dalaman MBPP, iaitu Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Konservasi Warisan dan Bahagian Pelesenan.

## MBPP sasar lebih banyak sekolah sertai Anugerah Sekolah Hijau 2017

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyasarkan lebih banyak sekolah bakal mengambil bahagian dalam penganjuran Anugerah Sekolah Hijau 2017.

Setiausaha Bandaraya, Ar. Yew Tung Seang berkata, penganjuran tahun lalu menerima penyertaan daripada 43 sekolah yang masing-masingnya terdiri daripada 18 sekolah menengah dan sekolah rendah (25).

"Berdasarkan bilangan penyertaan yang diterima tahun 2016, Majlis yakin bahawa semua sekolah peserta menunjukkan komitmen tinggi dalam melaksanakan ciri-ciri amalan hijau yang cemerlang.

"Tujuan utama program Anugerah Sekolah Hijau adalah untuk menjadikan amalan kitar semula sebagai satu budaya dalam kalangan pelajar.

"Kita berharap generasi muda ini apabila kembali ke sekolah akan menyebarkan mesej-mesej hijau yang positif kepada rakan-rakan, ibu bapa dan ahli keluarga tentang betapa pentingnya peranan setiap orang untuk mengurangkan jejak karbon," ujarnya pada Majlis Taklimat dan Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2017 Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Buat tahun keenam, *E&O Property Development* dan Mah Sing Group Bhd. (tahun kedua) masing-masing telah menaja sejumlah RM10,000 untuk penganjuran berkaitan.

Dalam pada itu, Tung Seang turut menyeru setiap sekolah dan para guru agar mengadakan lebih banyak aktiviti sihat seperti acara berjalan kaki dan berbasikal.

"Alternatif ini bukan sahaja menyihatkan badan, malah juga mampu mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan kereta yang pastinya akan mengurangkan jejak karbon.

"Kita (MBPP) alu-alukan pihak sekolah untuk berhubung dengan MBPP sekiranya ingin menjalankan aktiviti-aktiviti sedemikian," jelas beliau.



**YEW Tung Seang (barisan depan, enam dari kiri), Mohamed Akbar Mustapha (barisan depan, enam dari kanan), Ahli-ahli Majlis MBPP serta barisan penaja bergambar kenangan bersama-sama sebahagian wakil sekolah peserta dan para pelajar yang hadir pada Majlis Taklimat dan Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2017 Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.**

# Rumah pangsa 63 tahun Jalan Jelutong diselenggara, cat semula

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DANNY OOI ENG KEAT**

**SUNGAI PINANG** - Kos penyelenggaraan semula empat blok rumah pangsa tiga tingkat di Jalan Jelutong yang berusia 63 tahun baru-baru ini menelan belanja kira-kira RM75,555.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim memberitahu, projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) tersebut membawa manfaat kepada 48 keluarga yang mendiami unit-unit kediaman di sini.

"Ini merupakan salah satu skim perumahan awam yang dibiayai oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), memberi keseronokan kepada penduduk-penduduk di sini," jelasnya pada sidang media di lokasi rumah pangsa di sini baru-baru ini.

Beberapa Ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang, Edward Tan, D.R. Kala dan Saiful Azwan Abd Malik turut sertai sidang media di sini.

Bercakap pada sidang media sama, Soon Siang berkata, projek penyelenggaraan rumah pangsa tersebut sebenarnya siap pada 6 Januari lalu.

Namun, menurut beliau, tempoh liabiliti kecacatan pada projek tersebut menjadi tanggungjawab kontraktor berwajib sehingga 30 Jun ini.

Mengulas lanjut, Soon Siang menyatakan bahawa penduduk setempat sendiri yang memilih warna cat untuk semua blok di sini iaitu melalui partisipatori Bajet Responsif Gender (GRB).

"Projek mengecat semula dan kerja-kerja naik taraf rumah pangsa Jalan Jelutong ini adalah salah satu skim perumahan awam majlis (MBPP).

"Menerusinya, penduduk hanya membayar RM102 sebulan untuk menyewa unit kediaman berkeluasan 408 kaki persegi.

"Walaupun sewa yang murah, kita (MBPP) tidak pernah mengabaikan kesejahteraan penduduk di sini, sebaliknya sentiasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf ia dari semasa ke semasa," jelasnya.

Difahamkan, MBPP pada tahun 2014 direkodkan pernah melaksanakan projek pendawaian semula tiap-tiap unit kediaman di sini, demi memulihara keselamatan penghuni setempat.

Mengulas lanjut, penduduk, **RAHIMAH KALDAR MASTAN**, 63, merakamkan penghargaan atas inisiatif MBPP serta Kerajaan Negeri hari ini.

"Saya suka warna baru dalam blok. Ia kelihatan baik dan baru," ujarnya sambil menyatakan komitmen untuk memastikan komuniti setempat memelihara kebersihan kawasan sekeliling di sini.

Selain itu, Rahimah Kaldar turut merakamkan penghargaan kepada pihak Siew Khim kerana membiayai kos membina tanjakan kerusi roda di luar unit beliau.



LIM Siew Khim (berdiri, dua dari kiri), Joseph Ng Soon Siang (berdiri, tengah) serta Ahli-ahli Majlis MBPP lain bergambar kenangan dengan Rahimah Kaldar Mastan (berdiri, tiga dari kiri) dan Sirajudin Karim Gani (berkerusi roda) di luar unit kediaman mereka di rumah pangsa Jalan Jelutong di sini baru-baru ini.

Katanya, projek inisiatif Siew Khim itu memberi manfaat kepada anaknya, Sirajudin Karim Gani, 34, yang lumpuh selepas kemalangan.

"Dengan jalan (tanjakan kerusi roda), anak saya boleh bergerak lebih baik, terutamanya apabila dia telah pergi ke hospital untuk rawatan dan fisioterapi tiga kali sebulan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Siew Khim memberitahu, ada rancangan di pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pihaknya untuk menyerahkan sebidang tanah lapang berkeluasan 1,053 kaki persegi kepada persatuan penduduk setempat untuk projek pertanian bandar kelak.

"Butiran projek itu akan dimuktamadkan dan diumumkan tidak lama lagi," jelas beliau.

## MBPP tingkat pemantauan umum buang sampah merata-rata

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini giat mempertingkatkan pemantauan di lokasi-lokasi *hotspots* yang dikenal pasti menjadi tempat pembuangan sampah haram.

Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong berkata, lanjutan itu, Majlis telah menempatkan sembilan kamera litar tertutup (CCTV) mudah alih bagi memantau kawasan-kawasan yang banyak menerima aduan tindakan sedemikian.



SALAH seorang kakitangan MBPP sedang memantau aktiviti pembuangan sampah haram menerusi skrin rakaman CCTV di blik kawalan khas di sini.

"Selain pemantauan melalui CCTV, kita (MBPP) juga melakukan operasi di tapak iaitu sekiranya mana-mana individu didapati membuang sampah sewenang-wenangnya, penguatkuasa bertugas akan mengeluarkan kompaun berjumlah RM250 kepadanya," jelasnya yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP pada sidang media di sini baru-baru ini.

Sembilan kawasan tersebut adalah di Jalan Burma, Lebuh China (Little India), Jalan Bahagia Bayan Baru, Jalan Teluk Tempoyak, Lintang Batu Maung 1, Lorong Batu Maung 8 Kampung Masjid, Lintang Beringin 7, Lintang Beringin 10 dan Jalan Damar 3 Taman Sri Bayan.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Ahmad Azrizal Tahir, Goh Choon Keong dan Tan Chiew Choon.

Difahamkan, sejak Februari lalu, sebanyak 22 kompaun telah dikeluarkan MBPP atas kesalahan membuang sampah dan 10 daripadanya telah menjelaskan saman masing-masing.

Mengulas lanjut, Ah Teong memberitahu, MBPP kini giat memperketatkan tahap kebersihan terutamanya di kawasan tapak warisan George Town dan lokasi-lokasi tumpuan pelancong.

"Kita juga telah menubuhkan pasukan *Anti Litter* yang terdiri daripada lapan penguatkuasa untuk melakukan pemantauan di kawasan-kawasan berkaitan.

"Penguatkuasaan bersepadu ini akan melipatgandakan operasi untuk menangkap kutu-kutu sampah sebagai pengajaran kepada mereka supaya tidak mengulangi perbuatan tersebut," ujarnya.

## Ahli Majlis cadang tiga pendekatan mantap industri sukan air negeri

**GEORGE TOWN** – Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abd. Rashid baru-baru ini membentangkan tiga cadangan untuk memantapkan lagi industri sukan air di Pulau Pinang terutamanya membabitkan sukan parasailing yang semakin popular kini.

Syerleena berkata, langkah-langkah tersebut bukan sahaja untuk memantapkan industri sukan air, malah juga bagi mengelakkan sebarang kemalangan yang boleh meragut nyawa.

"Langkah pertama adalah menetapkan had berat badan bersesuaian dengan tidak membenarkan pengguna melebihi berat untuk menaiki parasailing. Pada masa sama, pihak operator seharusnya menyediakan *harness* yang bersesuaian untuk keperluan setiap pengguna mengikut saiz badan mereka.

"Kedua, operator seharusnya meneliti dan mempunyai maklumat arah tiupan serta kelajuan angin terlebih dahulu sebelum menaikkan pengguna parasailing.

"Yang terakhir, setiap bot penarik parasailing perlu dilengkapkan dengan seorang jurulatih atau operator selain pemandu bot bagi tujuan pemantauan," ujarnya ketika membentangkan cadangan-cadangan berkaitan pada ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) MBPP yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Syerleena memberitahu, pada ketika ini, aktiviti sukan air kian meningkat seiring dengan perkembangan industri pelancongan yang memberangsangkan di Pulau Pinang.



SYERLEENA Abd. Rashid.

Justeru, menurut beliau, pengendali sukan air perlu mempunyai pengalaman, kemahiran, pensijilan dan empati dalam memahami serta mengikuti garis panduan dan peraturan yang boleh menjamin keselamatan pengguna.

"Sejak 2008, pihak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang telah menggubal pelbagai peraturan positif untuk aktiviti sukan air, antaranya mengemas kini Enakmen Lancang Air Pulau Pinang 1999 yang telah dilaksanakan pada tahun 2009.

"Malah, pihak MBPP sendiri telah memperkenalkan zon-zon tertentu, mengasingkan kawasan di antara aktiviti sukan bermotor air dan kawasan riadah umum dan menempatkan anggota penguatkuasa MBPP di kawasan-kawasan khas," jelas Syerleena.

# Komitmen ADUN Air Itam demi rakyat kawasan

Gambar : **ADUN**

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai menyifatkan projek penyambungan dan pembinaan sebuah jambatan di Jalan Zoo merupakan berita baik kepada masyarakat setempat di sini.

Katanya, projek tersebut bukan sahaja bakal dimanfaatkan penduduk setempat, malah dijangka mampu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas ketika waktu puncak.

"Projek ini bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

"Selain itu, projek tebatan banjir Sungai Pinang turut akan dilaksanakan, yang mana secara tidak langsung akan mengurangkan risiko banjir di kawasan Sungai Air Itam.

"Malah, saya sendiri telah membuat permohonan kepada pihak Majlis (MBPP) untuk menaik taraf Taman Poket di Kampung Pisang dan Jalan Zoo bagi aktiviti riadah masyarakat di sini," ujarnya pada penganjuran Karnival Komuniti 'Go Green' Bukit Gelugor yang diadakan di Padang Desa Mawar, Farlim di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh serta Ahli-ahli Majlis MBPP, Syerleena Abd. Rashid dan D.R. Kala.

Kira-kira 200 penduduk setempat memeriahkan penganjuran karnival tersebut.

Hon Wai dalam pada itu turut memaklumkan kepada penduduk Desa Mawar bahawa Kerajaan Negeri kini mengotakan janji dengan tidak mengenakan cukai taksiran buat dua tahun berturut-turut kepada pemilik unit rumah kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan rumah kampung.

"Ini secara tidak langsung menjadikan lima blok Desa Mawar dan Rumah Pangsa Kampung Melayu layak mendapat pengecualian cukai taksiran ini.




**WONG Hon Wai (lima dari kanan) dan Ramkarpal Singh (lima dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama barisan Ahli Majlis MBPP dan pihak urusetia penganjuran Karnival Komuniti 'Go Green' Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.**

"Malah, saya sendiri bersama-sama Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah pruntukan untuk menukar sebuah lif baharu di Blok 1, di sini (Desa Mawar)," katanya merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.




## *World Health Day* Seberang Jaya, beri kesedaran gaya hidup sihat



**DR. Afif Bahardin dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif bergambar kenangan bersama-sama para peserta penganjuran *World Health Day 2017* di sini baru-baru ini.**

**AMAL GAYA HIDUP SIHAT...** Hampir 3,000 peserta mengambil bahagian dalam acara zumba 90 minit, jalan kaki 5 kilometer (km) serta *15km Fun Ride* (berbasikal) yang diadakan bersempena penganjuran *World Health Day 2017* di Seberang Jaya (berhadapan Pusat Membeli-belah Sunway Carnival) baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, program kecergasan tersebut merupakan anjuran Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya bersama *Program Car Free Morning* kelolaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Matlamat utama program ini adalah bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai tentang betapa pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat di samping mengurangkan penggunaan kenderaan dalam menurunkan kadar pencemaran.

"Ianya juga mampu mempromosikan *Car Free Morning* yang dijalankan oleh MPSP setiap Ahad, minggu pertama setiap bulan," ucapnya pada penganjuran berkaitan.

Antara acara lain yang mengisi program tersebut termasuk permainan kanak-kanak, pendaftaran program-program kebajikan Kerajaan Negeri, pendaftaran pengundi, cabutan bertuah, pameran serta jualan.

# Tukar status premis perlu kelulusan PBT - Rashid

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **J. PATMAVATHY**

**GEORGE TOWN -** Status tukar guna bangunan pangsapuri perkhidmatan membabitkan sebuah hotel yang terletak di dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pantai Jerejak adalah tidak sah di sisi undang-undang dan polisi sedia ada, kata Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon

Menurut Rashid, pengusaha premis tersebut tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan tukar guna kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) setempat iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

"Saya juga sudah menyemak dengan MBPP dan memang mendapati tiada langsung permohonan untuk menukar guna status premis dari sebuah bangunan hotel kepada penempatan pekerja bagi warga asing.

"Sebelum ini, saya menerima aduan daripada penduduk setempat yang juga mengemukakan bantahan kepada saya dan sebagai wakil rakyat kawasan tersebut, saya menyarankan mereka (penduduk) memberi butiran bertulis kepada MBPP untuk tindakan lanjut.

"Saya berharap pihak MBPP dapat mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha premis berkaitan sekiranya didapati melanggari undang-undang ditetapkan,'' tegasnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Pada sidang media sama, Jagdeep menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius isu penempatan pekerja asing di negeri ini terutamanya berkaitan dengan masalah sosial, jenayah dan lain-lain.

"Kerajaan Negeri berkuat kuasa pada 30 Julai 2015, telah menggariskan beberapa perkara penting bersabit keperluan-keperluan di penempatan pekerja asing seperti keselamatan persekitaran, kerjasama dengan pihak polis dan Jabatan Imigresen Malaysia, penggunaan sistem biometrik, penyediaan kemudahan asas seperti dewan, kantin, bilik rehat, bilik bacaan dan menonton, dobi, kedai serba guna, mesin ATM, peti surat dan hospital.



**MOHD. Rashid Hasnon (tengah), Jagdeep Singh Deo (kanan sekali) dan Sim Tze Tzin menunjukkan beberapa dokumen sokongan berhubung garis panduan penempatan pekerja warga asing pada sidang media di sini baru-baru ini.**

"Kemudahan seperti ini mampu meminimakan pekerja-pekerja asing ini keluar masuk dari penempatan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengurangkan impak sosial dalam kalangan penduduk setempat," jelasnya.

Sebagai tambahan, Jagdeep turut menamakan lima penempatan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam menangani kebergantungan menempatkan pekerja asing di penempatan rumah kos rendah dan sederhana rendah.

"Lima loskasi tersebut adalah di Bukit Minyak, Seberang Perai Selatan (SPS); Permatang Damar Laut, Daerah Barat Daya (DBD); Juru, Seberang Perai Tengah (SPT); Permatang Tinggi, SPT dan Kawasan Perindustrian Valdor, SPS.






## Motosikal terbakar, ADUN harap suspek ditangkap

**KEBUN BUNGA –** Sebanyak 13 motosikal musnah terbakar dalam kejadian di Blok A dan B, Rumah Pangsa Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)nya, Cheah Kah Peng berkata, rakaman kamera litar tertutup (CCTV) berjaya merakamkan kelibat dua lelaki dipercayai membaling sebutir bom petrol.



**CHEAH Kah Peng (tiga dari kanan), Zairil Khir Johari (lima dari kanan) dan Syerleena Abd. Rashid (enam dari kanan) ketika mengadakan lawatan ke lokasi kejadian di sini baru-baru ini.**

"Saya percaya segelintir pihak tertentu ini sengaja ingin menimbulkan kacau bilau dan suasana tidak tenteram di kediaman Padang Tembak dengan beberapa siri kejadian merosakkan kemudahan awam serta harta penduduk setempat.

"Saya syak ini sengaja dilakukan supaya penduduk berasa takut dan bimbang untuk tinggal di sini, lantas mengambil kesempatan menyalahkan pihak tertentu," ujarnya ketika melawat kewasan kejadian di sini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abd. Rashid.

Tambah Kah Peng, kemudahan CCTV yang dipasang oleh Kerajaan Negeri mungkin dapat membantu untuk mengesan dan menangkap suspek tersebut.

Salah seorang mangsa, Sahriffuddin Hashim, 52, ketika ditemui ternyata terkejut dan marah dengan kejadian tersebut yang sama sekali memusnahkan mata pencarian beliau sebagai seorang penghantar surat.

"Motosikal ini adalah punca saya mencari rezeki... sudah tentu kecewa dengan kejadian yang menimpa," tegasnya yang hanya menyedari motosikal beliau musnah dalam kebakaran sebaik sahaja ingin ke tempat kerja kira-kira jam 7.30 pagi keesokan harinya.

*(Berita di muka 1).*



**DUA peserta merakam gambar kenangan dengan medal penganjuran.**



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bersama-sama para peserta menamatkan larian sejauh 6 kilometer mengelilingi Butterworth.**



***POSE* sekumpulan peserta dengan berlatarbelakangkan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang berada di atas pentas utama.**




**KETUA Menteri mewakili Kerajaan Negeri menerima sijil daripada wakil MBOR.**



**SEBAHAGIAN peserta memberikan *pose* menarik kepada lensa Buletin Mutiara.**




**AKSI-aksi sebahagian peserta yang mengambil bahagian.**



**RIBUAN peserta acara larian ria Saya ♥ Pulau Pinang berkumpul di Padang Awam Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth.**